

Headline	Bagai mimpi miliki rumah sendiri		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	07 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Nasional	Page No	9
ArticleSize	544 cm <sup>2</sup>	Journalist	Fairuz Zaidan
PR Value	RM 54,039		



# Bagai mimpi miliki rumah sendiri

Enam sekeluarga terpilih terima kediaman bawah projek Baiti Jannati TNB 2019

Oleh Fairuz Zaidan  
fairuzaidan@nstp.com.my

**Melaka:** Air mata penuh kesyukuran tidak dapat disembuyikan Rosni Abu Hassan, 38, sebaik dia sekeluarga terpilih menerima sebuah rumah melalui projek Baiti Jannati Tenaga Nasional Berhad (TNB) 2019 pada April lalu.

Dalam tempoh dua bulan pembinaan rumah percuma hasil program tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB di Kampungku Sayang, Mukim Semabok, di sini, suri rumah itu mengakui dia bergegas tidak percaya dan seolah bermimpi akan memiliki kediaman sendiri.

Majlis penyerahan kunci projek Baiti Jannati TNB bagi kediaman Rosni disampaikan Ketua (Perkhidmatan Pelanggan) Bahagian Retail TNB Melaka, Ir Ahmad Rezaan Mohammad bersama Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Bukit Katil, Datuk Bakrin Sidek yang mewakili Ketua Menteri, Adly Zahari.

**Rasa bersyukur sangat akhirnya ada rumah sendiri untuk kami anak beranak berteduh selepas hidup berpindah pindah di empat, lima rumah sewa.**

Rosni Abu Hassan,  
Penerima rumah

Ketika majlis penyerahan simbolik kunci kediaman itu, Rosni yang ditemani suaminya, Bakri Abu Bakar, 41, sekali lagi tidak dapat menyembunyikan air mata kegembiraan apabila kediaman untuk mereka dan empat cahaya mata iaitu; Muhamad Zulfahmi Bakri, 18, Nurul Syafiqah, 13, Nurul Shazatulaina, 9 dan Muhamad Rayyan Fahmi, 6, kini benar-benar 'tersergam' di depan mata.

"Hampir setiap hari saya datang untuk melihat sendiri rumah ini dibina depan mata. Memang baikan mimpi rasanya dapat miliki rumah sendiri.

"Rasa bersyukur sangat akhirnya ada rumah sendiri untuk kami anak beranak berteduh selepas hidup berpindah pindah di empat, lima rumah sewa sebelum ini. Hingga pernah kami sekeluarga dihalau kerana tidak mampu membayar tunggakan sewa," katanya dalam nada pilu.

Kata Rosni, dia bersyukur dan berterima kasih kepada TNB, kerajaan negeri, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) serta JAPERUN Bukit Katil yang terus meringankan penderitaan mereka sekeluarga.

"Suami sebelum ini pernah bekerja di kedai makan dan kini hanya membuat kerja kampung. Saya pula tidak bekerja dan mengharapkan bantuan kebajikan MAIM RM300 sebulan bagi membesarkan empat anak berusia 18 hingga enam tahun," katanya.

Sementara itu, Ahmad Rezaan, pada peringkat negeri Melaka, projek ini bermula sejak 2008. Setakat tahun ini, 23 penerima sudah mendapat manfaat membabitkan perbelanjaan sebanyak RM955,000.

## Projek Baiti Jannati TNB

- » Dikenali Rumahku Syurgaku.
- » Salah satu daripada beberapa program Tanggungjawab Sosial Korporat TNB.
- » Rosni sekeluarga adalah penerima pertama tahun ini bagi projek Baiti Jannati TNB 2019 Peringkat Negeri Melaka
- » Empat lagi projek akan menyusul termasuk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumpit serta Durian Tunggal.
- » Sejak diperkenalkan tahun 2007, lebih 700 kediaman terbahit dalam projek Baiti Jannati TNB termasuk dalam kerja membaik pulih atau membina baharu kediaman untuk golongan miskin dan asnaf di seluruh negara.
- » Setiap projek rumah baharu Baiti Jannati TNB dianggarkan bernilai RM50,000 dengan kemudahan tiga bilik tidur, dan satu bilik air.
- » Kriteria bagi penerima bantuan projek itu adalah golongan miskin dan asnaf termasuk ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin luar bandar yang menerima bantuan zakat daripada majlis agama islam negeri, selain rumah yang hendak dibina pulih atau dibina baharu itu terletak di atas tanah milikan sendiri, pusaka atau ahli keluarga.



Bakri dan Rosni (dua dari kanan) bersama anak mereka di depan rumah baharu ketika ditemui pada Majlis Kesyukuran Projek Baiti Jannati TNB 2019 Peringkat Negeri Melaka di Kampungku Sayang, Mukim Semabok. [Foto Rasol Azli Samad/BH]